



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari **menafikan** dakwaan bahawa Seksyen 6, Shah Alam akan dikenakan perintah '*lockdown*' dan **menjelaskan** Pejabat Daerah Petaling dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor hanya melakukan saringan komuniti awal secara percuma dari rumah ke rumah melibatkan golongan berisiko seperti warga emas.
2. Hospital Kuala Lumpur (HKL) **menafikan** dakwaan seorang pesakit positif COVID-19 melarikan diri daripada hospital dan **menjelaskan** pesakit tersebut menghidap sakit "*Severe Acute Respiratory Infection*" (SARI).
3. Pihak Polis Daerah Raub, Pahang **menafikan** dakwaan bahawa polis berkunjung ke Pasaraya Thong Fatt dan memaklumkan saman RM1,000 dikenakan kepada individu yang tidak memakai penutup mulut dan hidung (*mask*).

Pasukan Respon Pantas
KKMM
12 April 2020 | 7.00 Malam

